



## Kempen MAE – Tabung CNY Li Chun Terma & Syarat

**MAE – Tabung CNY Li Chun ("Kempen")** dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran Syarikat : 196001000142) ("**Maybank**") dan tertakluk kepada Terma dan Syarat di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 2 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat.

### 1. Tempoh Kempen

- a. Kempen ini bermula dari 3 Februari 2025 pada 12.00:00 AM (MYT) dan akan berakhir pada 28 Februari 2025 pada 11:59:59 PM (MYT) termasuk kedua-dua tarikh, kecuali dimaklumkan sebaliknya (selepas ini dirujuk sebagai "Tempoh Kempen")

### 2. Kelayakan

- a. Kempen ini terbuka kepada individu yang mempunyai ID/akaun Maybank2u (M2U) aktif (termasuk pelanggan Maybank Anytime Everywhere ("**MAE**") yang melaksanakan Mekanik Kempen (**seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3.0**) melalui MAE oleh Maybank2u (juga dikenali sebagai "aplikasi MAE") (versi 0.9.32 dan ke atas) ("Platform Yang Layak").
  - i. Pelanggan boleh menyemak versi aplikasi MAE menerusi Apple App Store, Huawei App Gallery dan/atau Google Play Store.
  - ii. Pelanggan mesti memastikan bahawa Secure2u mereka didayakan dan diaktifkan pada peranti yang digunakan untuk Platform Yang Layak mengikut Klausus 2.0 (a), yang mana berkenaan.
  - iii. Kempen ini terbuka kepada individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan dokumen pengenalan diri yang sah. Bagi individu di bawah umur lapan belas (18) tahun ("Bawah umur"), mereka mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa dan/atau penjaga yang sah untuk menyertai Kempen ini. Penggunaan MAE adalah pengakuan kepada Maybank bahawa Kanak-Kanak di Bawah Umur telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada ibu bapa dan/atau penjaganya yang sah untuk menyertai Kempen ini. Terma dan Syarat ini akan dikenakan kepada serta mengikat ibu bapa dan/atau penjaga Kanak-Kanak di Bawah Umur yang sah dan kesannya adalah sama seperti jika ibu bapa dan/atau penjaga Kanak-Kanak di Bawah Umur adalah pihak yang bersetuju dengan Terma dan Syarat ini.
- b. Semua pelanggan individu (termasuk semua kakitangan kumpulan Maybank) yang telah memenuhi kriteria di atas selepas ini akan dirujuk sebagai "**Peserta Yang Layak**".

### 3. Mekanik dan Syarat Kempen

- a. Peserta yang layak mesti buka Tabung baharu di aplikasi MAE, dan namakan Tabung tersebut sebagai "CNY" dalam Tempoh Kempen.
- b. Peserta yang Layak mesti mendepositkan atau mengembangkan Tabung CNY mereka dengan minimum RM888 pada 28 Februari 2025 berbanding dengan jumlah baki Tabung mereka pada 2 Februari 2025 ("Garis Dasar Kempen"), jika ada.
- c. Peserta Yang Layak yang telah buka akaun Tabung sebelum Kempen mesti menunjukkan pertumbuhan bersih minimum sebanyak RM888 merentas semua akaun Tabung mereka jika dibandingkan dengan jumlah baki akaun Tabung mereka pada 2 Februari 2025.
- d. Peserta Yang Layak mesti mengekalkan baki minimum Tabung CNY sebanyak RM888 sehingga 31 Mac 2025.
- e. Peserta yang gagal mematuhi Klausus 3 akan hilang kelayakan untuk menyertai Kempen.

**Contoh Senario:**

Tarikh Pembukaan Tabung	Nama Tabung	Jumlah yang Didepositkan	Baki pada 31 Mac 2025, 11:59:59 PM	Kelayakan	Sebab
3 Februari 2025	CNY	RM888	RM888	Ya	Peserta <b>memenuhi kriteria kelayakan</b> Kempen seperti dalam Klausula 3(a),(b),(c) dan (d).
5 Februari 2025	CNY	RM1,000	RM1,000	Ya	Peserta <b>memenuhi kriteria kelayakan</b> Kempen seperti dalam Klausula 3(a),(b),(c) dan (d).
5 Februari 2025	Tahun Baru Cina	RM888	RM888	No.	Peserta <b>gagal namakan Tabung mereka dengan betul</b> . Untuk layak, peserta dikehendaki menamakan Tabung mereka sebagai "CNY" mengikut Klausula 3 (a).
1 Mac 2025	CNY	RM888	RM888	No.	Peserta <b>buka Tabung selepas tarikh tamat Kempen</b> . Untuk layak, peserta dikehendaki membuat Tabung CNY antara 3 Februari dan 28 Februari 2025 seperti dalam Klausula 3 (a).
28 Februari 2025	CNY	RM887	RM887	No.	Peserta <b>tidak menepati baki minimum Tabung CNY sebanyak RM888 sebelum 31 Mac 2025</b> seperti dalam Klausula 3 (b),(c) dan (d).

- f. Hanya Peserta Yang Layak yang memenuhi kriteria di bawah Klausula 3.0 di atas akan berpeluang memenangi Hadiah di bawah Klausula 4.0.

4. **Hadiah Kempen ("Hadiah")**

Terdapat sejumlah 1,388 pemenang bertuah (ONG) dalam Kempen ini yang akan memenangi e-Angpao sehingga RM168.

a. **Pemilihan Pemenang:**

Pemenang akan dipilih daripada kumpulan Peserta Yang Layak yang memenuhi kriteria Kempen yang digarisikan dalam Klausula 3.0. Proses pemilihan akan dijalankan menggunakan Program Rawak Maybank.

b. **Butiran Hadiah:**

- i. Seramai 1,388 pemenang (*ONG*) bertuah akan dipilih secara rawak oleh Program Rawak Maybank untuk memenangi e-Angpao bernilai sehingga RM168.
  - ii. e-Angpao akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa atau Akaun Simpanan pemenang yang paling baru dibuka dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas 31 Mac 2025.
- c. **Pemberitahuan Pemenang:**
- i. Pemenang akan dimaklumkan dalam masa enam puluh (60) hari selepas 31 Mac 2025.
  - ii. Pemenang yang berjaya akan dimaklumkan melalui pemberitahuan segera aplikasi MAE dan diumumkan di laman sesawang rasmi Maybank di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) dengan nama pemenang dan nombor Akaunnya yang paling baru dibuka (4 digit terakhir) dan/atau sebarang kaedah komunikasi lain yang mungkin difikirkan sesuai oleh Maybank.
- d. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang bersetuju untuk dipaparkan dalam akaun media sosial Maybank dalam format foto dan/atau video.
- e. Pemberian Hadiah adalah muktamad dan tidak boleh diubah suai tanpa kebenaran Maybank.
- f. Sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang ditanggung oleh pemenang semasa pengambilan Hadiah adalah menjadi tanggungjawab pemenang sepenuhnya.
- g. Sekiranya pemenang meninggal dunia selepas pemberitahuan pemenang, waris, wakil sah, dan/atau pentadbir pemenang yang mati boleh menuntut Hadiah tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pemberitahuan, sekiranya gagal, Maybank berhak untuk menggunakan budi bicara dalam menguruskan Hadiah termasuk untuk membuat cabutan semula dan/atau memilih mana-mana orang lain sebagai Pemenang hadiah mengikut tindakan yang dianggap sesuai oleh pihak Maybank.
- h. Maybank berhak meminta sebarang dokumentasi atau bukti bertulis berkaitan pengenalan, umur, dan tempat kediaman Peserta Yang Layak untuk tujuan pengesahan bagi memastikan pematuhan kepada Terma & Syarat.
- i. Maybank tidak akan meminta sebarang butiran perbankan seperti nombor kad kredit/debit dan Kod Kebenaran Transaksi bank (TAC), kata laluan akaun, PIN atau kata laluan sekali sahaja (OTP) untuk Pemenang menuntut hadiah. Pemenang mengakui dan bersetuju bahawa Maybank berhak untuk membatalkan penyertaan mereka dalam Kempen ini atau membatalkan sebarang Hadiah daripada Pemenang jika:
  - i. Pemenang didapati atau disyaki mengganggu Mekanik Kempen atau pengendalian Kempen;
  - ii. Pemenang didapati atau disyaki melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang menjelaskan Kempen; atau
  - iii. Pemenang melanggar kewajipannya atau mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini.

Walau apa pun perkara di atas, Maybank berhak untuk menolak sebarang penyertaan atau Pemenang mengikut budi bicaranya yang munasabah tanpa memberikan sebarang sebab.

- j. Maybank TIDAK akan menyediakan penukaran atau pengganti Hadiah jika Pemenang menolak Hadiah yang dihantar dan/atau meminta pilihan alternatif.

- k. Hadiah yang diberikan kepada pemenang tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan jenis lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
- l. Maybank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang tanggungjawab cukai yang mungkin timbul akibat Hadiah atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau pembayaran cukai (jika ada) kepada mana-mana pihak berkuasa cukai hasil daripada penerimaan Hadiah adalah kekal menjadi tanggungjawab pemenang. Adalah menjadi tanggungjawab pemenang untuk mendapatkan nasihat cukai secara bebas tentang kemungkinan adanya tanggungjawab cukai hasil daripada situasi kewangan mereka.
- m. Semua pemenang akan bertanggungjawab secara peribadi untuk semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka, di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada.

## 5. **Terma dan Syarat Umum**

- a. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- b. Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalender) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- c. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- d. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut penyata privasi Maybank yang boleh didapati di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) (“*Maybank Privacy Statement*”) dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjelaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- i. tujuan Kempen; dan
- ii. aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang

diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

\*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- e. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungan terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaian atau peninggalan melampau oleh Maybank.
- f. Maybank tidak akan bertanggungan bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- g. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.
- h. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).